



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Khamis, September 22, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

**BERITA »**

## UPM raih dua anugerah emas dan 2 anugerah khas di Canada

Oleh Nurhayatul Nira Ramli



Prof. Madya Dr Mohamad Fazli Sabri (tengah) Nurhayatul Nira Ramli (kiri) dan Prof. Madya Dr Zuriati Ahmad Zukarnain bersama sijil dan medal kemenangan

**TORONTO** – Dua produk penyelidikan UPM telah berjaya merangkul dua anugerah emas dan dua anugerah khas di 2016 International Invention Innovation Competition In Canada yang telah diadakan di North York Memorial Community Hall, Toronto baru-baru ini.

Pertandingan inovasi berprestij tersebut dianjurkan oleh Toronto International Society of Innovation and Advanced Skills (TISIAS) dengan kerjasama International Federation of Inventors' Association (IFIA) dan World Invention Intellectual Property Associations (WIIPA) telah memilih 'Smart Money Kit : Bright Kids Smart Money' dan 'Quantum Communication Simulator'(QuCS) sebagai pemenang anugerah emas 2 anugerah khas. Pertandingan ini disertai lebih 40 buah negara di seluruh dunia.

Kumpulan yang terdiri daripada pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, Prof. Madya Dr Mohamad Fazli Sabri dan pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah, Nurhayatul Nira Ramli telah menghasilkan produk pendidikan kewangan 'Smart Money Kit : Bright Kids Smart Money' iaitu satu set kit yang mengandungi 10 permainan interaktif sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan amalan pengurusan kewangan yang bijak dan berhemah.

Dr Mohamad Fazli berkata 'Smart Money Kit' diterjemah daripada produk asal Kit Bijak Wang : Anak Bijak Cerdik Duit, merupakan kit pendidikan kewangan yang pertama di Malaysia, digarap hasil daripada penyelidikan UPM sesuai dengan perkembangan kanak-kanak berusia enam hingga dua belas tahun.

"Ia mengandungi 10 permainan interaktif yang menyeronokkan di mana permainan disusun secara berperingkat supaya kanak-kanak dapat menguasai topik dengan baik mengikut minat, kemampuan dan kemahiran," katanya.

Turut menerima anugerah emas dan dua anugerah khas ialah Prof. Madya Dr Zuriati Ahmad Zukarnain dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) atas penyelidikan dan kejayaan membangunkan satu sistem perisian berasaskan web yang dikenali sebagai 'Quantum Communication Simulator'(QuCS) yang dapat membantu mempercepatkan dan mempermudah proses pemodelan eksperimen kuantum yang sebenar.

Sistem perisian yang dikenali sebagai 'web as a service' turut membantu seluruh pengguna pengguna dari seluruh dunia selagi mana mereka mempunyai capaian internet dalam melakukan pemodelan eksperimen kuantum dan membantu simulasi komunikasi kuantum.

Dr Zuriati selaku ketua penyelidik berkata "QuCS" membolehkan penyelidik eksperimen kuantum menentukan komponen-komponen asas bagi menjalankan sesuatu eksperimen kuantum, membuat perancangan peruntukan untuk membeli komponen-komponen asas bagi eksperimen kuantum serta laporan keputusan bagi setiap eksperimen kuantum sebelum eksperimen kuantum sebenar.

Kedua-dua produk ini merupakan usaha penyelidikan bersama Putra Science Park melalui program Innohub dan telah mendapat perlindungan harta intelek bersama 1,800 penyelidikan lain dan kebanyakannya daripadanya telah bersedia untuk dikomersialkan.

